BAB 7 :
USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah konsep yang digunakan oleh Kesatuan Melayu Muda ( KMM ) dalam memperjuangkan kemerdekaan?
   A. Tanah Melayu untuk Malayan
   B. Malaysia
   C. Melayu Raya
   D. Merdeka

2. Gambar 1 di bawah adalah tokoh yang telah menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (*Independence for Malaya Party*) pada tahun 1950-an.



Dato' Onn Jaafar

   Mengapakah beliau menubuhkan parti tersebut?
   A. Menyekat pengaruh komunis
   B. Mewujudkan perpaduan kaum
   C. Mempertahankan hak peribumi
   D. Mengurangkan pengaruh golongan radikal

3. Perhimpunan rakyat di Perhimpunan Maahad Al Ehya Assharif, Gunung Semanggol, Perak melahirkan Majlis Agama Islam Tertinggi (MATA) telah melahirkan Hizbul Muslimin. Apakah matlamat Hizbul Muslimin?
   A. Mencapai kemerdekaan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Islam.
   B. Kemerdekaan Tanah Melayu melalui perundingan.
   C. Kemerdekaan bangsa dan tanah air dengan jalan terbuka secara lembut.
   D. Membina satu negara yang teguh dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

4. Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau *Communities Liaison Committee (CLC)* ingin meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu?
   A. Penubuhan Jawatankuasa Pendidikan.
   B. Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui.
   C. Pilihan raya diadakan pada peringkat Majlis Perundangan Persekutuan.
   D. Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA).



Gambar 2

5. Gambar 2 di atas menunjukkan pengerusi Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC). Siapakah beliau?
   A. L.R Doraisamy
   B. John Thivy
   C. V.T. Sambanthan
   D. E.E.C Thuraisingham

6. Mengapakah sistem berikut diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?

| Tahun | Perkara |
|---|---|
| 1951 | Sistem Ahli diperkenalkan |

   A. Merangka perlembagaan baru
   B. Membincangkan syarat kewarganegaraan
   C. Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri
   D. Melaksanakan pilihan raya umum

7. Apakah cadangan Laporan Woodhead 1955 bagi sistem pendidikan Kebangsaan di Sarawak dan Sabah?
   A. Mengutamakan bahasa Inggeris
   B. Mewajibkan pendidikan sekolah rendah
   C. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
   D. Pendidikan berdasarkan latar belakang etnik

8. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 menyatakan dua elemen penting dalam pendidikan untuk membentuk perpaduan kaum. Apakah kedua-dua elemen penting tersebut?
   I Kemahiran teknikal
   II Kandungan kurikulum seragam
   III Sistem persekolahan sama
   IV Kenaikan darjah secara automatik
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat perjuangan pertubuhan **X**.




   Apakah X?
   A. Barisan Pemuda Sarawak (BPS)
   B. Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
   C. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
   D. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)

10. Pada tahun 1954, Dato' Onn Jaafar menubuhkan Parti Negara.
    Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?
    I Hak yang sama untuk semua
    II Pentadbiran Islam di negeri Melayu
    III Kemerdekaan melalui kerjasama kaum
    IV Pembentukan satu parti untuk semua kaum
    - I dan II
    - I dan IV
    - II dan III
    - III dan IV

LIVEWORKSHEETS